



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN DAN SUMBANGAN *HOME GUARD*
DI TEMERLOH, 1948-1956**

SITI AMINAH BINTI ABDUL GHANI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai peranan pasukan *Home Guard* di Temerloh pada masa darurat dari tahun 1948 sehingga 1956. Ancaman keselamatan terhadap penduduk di Temerloh pada zaman darurat mendorong kerajaan kolonial British menukuhan *Home Guard*. Pasukan ini berperanan aktif sebagai pengawal kampung dalam memberi sumbangan bagi membanteras ancaman Rejimen ke-10 PKM di Temerloh sehingga merdeka. Kaedah penyelidikan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan membuat rujukan daripada dokumen-dokumen yang terdapat di Arkib Negara Malaysia seperti *Colonial Office Record*, *Annual Report*, *District Office Report*, fail Setiausaha Kerajaan Negeri, dan minit mesyuarat. Kajian juga dijalankan di perpustakaan universiti awam di Malaysia seperti di Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI dan Perpustakaan Universiti Malaya. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa *Home Guard* tidak terbatas kepada Melayu sahaja, tetapi meliputi kaum lain iaitu Cina dan India. Hasil kajian juga menunjukkan pasukan *Home Guard* mampu melindungi kawasan penempatan mereka sendiri, mengambil tindakan segera sekiranya diancam oleh komunis dan seterusnya membantu pasukan keselamatan yang lain seperti tentera dan polis. Adalah jelas membuktikan bahawa kajian ini menunjukkan peranan dan sumbangan yang telah diberikan oleh pasukan *Home Guard* untuk mengembalikan keamanan serta usaha melemahkan pengaruh komunis di Temerloh. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan *Home Guard* sebagai sebuah pasukan keselamatan sukarela yang memberi sumbangan besar kepada masyarakat dan negara dalam usaha membanteras komunis di Temerloh walaupun pada peringkat awal mereka tidak mempunyai sebarang kemahiran. Implikasi kajian menunjukkan pasukan *Home Guard* yang ditubuhkan di Temerloh ternyata membantu mengembalikan keamanan akibat huru hara yang dicetuskan oleh komunis.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

THE ROLE AND CONTRIBUTION OF THE HOME GUARD IN TEMERLOH, 1948-1956

ABSTRACT

This study aims to evaluate the role of the Home Guard in Temerloh at the time of emergency from 1948 until 1956. Security threats against residents in Temerloh during the state at emergency had pushed the British colonial government to establish the Home Guard. Home Guard played an active role as a village guard in combating of the 10th Regiment CPM in Temerloh until independence. The research method used in this study is a qualitative method by using document review method contained in the National Archives as Record Colonial Office, Annual Report, District Office Report, the State Secretary of the file, and minutes of meetings. This study also conducted in the library of a public university in Malaysia such as Tuanku Bainun Library, UPSI and University of Malaya. This study proves that the Home Guard is not limited to the Malays but also for other race which includes Chinese and Indians. The results of this show that the Home Guard to protect the settlements themselves, take immediate action if threatened by communist and help the security forces such as the army and police. It is clear that this study shows the role and contributions made by the Home Guard to restore peace and order to weaken the influence of communists in Temerloh. In conclusion, Home Guards are volunteer security forces that contribute to society and the state in the fight against communism in Temerloh even at an early stage they have no skills. The study implicates that the Home Guard established in Temerloh turned out to help restore security due to the riot that was conceived by the Communists.



05-4506832

bupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI CARTA	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Skop Kajian	4
1.5 Sorotan Literatur	5
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Metodologi Kajian	18
1.8 Definsi Istilah	20
1.9 Pembahagian Bab	20





BAB 2 LATAR BELAKANG *HOME GUARD* DI TEMERLOH

2.1	Pengenalan	25
2.2	Penubuhan Pasukan Keselamatan di Temerloh	28
2.2.1	Sejarah Penubuhan <i>Special Constabulary</i>	29
2.2.2	Sejarah Penubuhan <i>Auxiliary Police</i>	32
2.2.3	Sejarah Penubuhan <i>Jungle Squads</i>	34
2.3	Sejarah Penubuhan <i>Home Guard</i>	36
2.4	Ordinan Undang-undang Darurat 1948	40
2.5	Matlamat <i>Home Guard</i>	42
2.6	Jawatankuasa Eksekutif Perang	45
2.7	Organisasi Pasukan <i>Home Guard</i>	49
2.8	Keanggotaan pasukan <i>Home Guard</i>	59
	Kesimpulan	64



BAB 3 PERKEMBANGAN *HOME GUARD* DI TEMERLOH

3.1	Pengenalan	73
3.2	Prinsip dalam <i>Home Guard</i>	74
3.3	Syarat Kelayakan yang ditetapkan untuk jawatan <i>Home Guard</i>	75
3.4	Gaji dan elauan kakitangan <i>Home Guard</i>	76
3.5	Pakaian Anggota <i>Home Guard</i>	79
3.6	Pengurusan Kebajikan dalam Pasukan <i>Home Guard</i>	80
3.7	Kemudahan Perubatan bagi <i>Home Guard</i>	82
3.8	Pusat Latihan <i>Home Guard</i>	83





3.9	Perkembangan Pusat Latihan	84
3.10	Tujuan Penubuhan Pusat Latihan	88
3.11	Syarat-syarat Latihan <i>Home Guard</i>	92
3.12	Pembahagian Latihan	94
3.13	Jenis-jenis Latihan	96
3.13.1	<i>Field Craft</i>	103
3.13.2	Senjata	106
3.13.3	Kawad	108
	Kesimpulan	111



4.1	Pengenalan	115
4.2	Peranan <i>Home Guard</i> Secara Umum	116
4.3	Penyelarasan Pertahanan dan Keselamatan di Kampung	119
4.4	Tanggungjawab semasa menjalankan Kawalan Kampung	124
4.5	Operasi Pemeriksaan Makanan dan Kawalan Pagar	126
4.6	Operasi Pemeriksaan Kenderaan	130
4.7	Pemeriksaan Kad Pengenalan	132
4.8	Tanggungjawab Anggota <i>Home Guard</i> Terhadap Senjata	135
4.9	Menahan Penduduk yang Disyaki Membantu Parti Komunis Malaya	136
4.10	Menjaga Kebajikan Penduduk Sekitar	137
	Kesimpulan	137



**BAB 5 SUMBANGAN HOME GUARD DI TEMERLOH**

5.1 Pengenalan	142
5.2 Keberanian <i>Home Guard</i> Menjalankan Tugas	143
5.3 Membentuk Ikatan Muhibah Antara Penduduk	146
5.4 Keamanan Setempat Dapat Dipulihkan	149
5.5 Perisikan Maklumat	151
5.6 Membantu Pasukan Keselamatan Lain	155
5.7 Mengurangkan Ancaman Komunis	157
5.8 Membentuk Pasukan Sukarelawan Mempertahankan Kampung Halaman Sendiri	159
5.9 Pengisytiharaan Kawasan Putih	161
5.10 Pembentukan Askar Wataniah	163
Kesimpulan	164
BAB 6 KESIMPULAN	162
RUJUKAN	167





SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
2.1 Jumlah anggota <i>Home Guard</i> di Pahang sehingga 5 Julai 1951.	38
2.2 Anggota SWEC dan DWEC.	47
2.3 Pangkat bagi pegawai <i>Home Guard</i> .	51
2.4 Senarai Pegawai <i>Home Guard</i> Temerloh pada tahun 1952.	57
2.5 Pergerakan <i>Home Guard</i> mengikut fasa ketika bertugas di Kampung Baru.	63
3.1 Gaji Pegawai <i>Home Guard</i> bagi daerah Temerloh pada 31 Disember 1952.	79
4.1 Pergerakan makanan bagi keluarga di Temerloh.	128
5.1 Kejayaan pasukan <i>Home Guard</i> di Pahang.	144
5.2 Kekuatan pasukan <i>Home Guard</i> di Tanah Melayu sehingga 12 Oktober 1951.	147
5.3 Statistik Anggota Komunis di Pahang pada 1955.	150





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI CARTA

No. Carta	Muka Surat
2.1 Jawatankuasa Perang (<i>War Council</i>) Peringkat Pusat	46
2.2 Carta Pentadbiran <i>Home Guard</i> Peringkat Pusat	52



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

AP	-	<i>Auxiliary Police</i>
API	-	Angkatan Pemuda Insaf
ASHGO	-	<i>Asst. State Home Guard Officer</i>
AWAS	-	Angkatan Wanita Sedar
BATAS	-	Barisan Tani Malaya
DHGO	-	<i>District Home Guard Officer</i>
DWEC	-	<i>District War Executive Committee</i>
FWC	-	<i>Federal War Council</i>
HG	-	<i>Home Guard</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Peta Daerah Temerloh
- B Soalan Temubual
- C Anggota *Home Guard* sedang membuat sekatan jalan raya bagi tujuan pemeriksaan.
- D Latihan kawad dijalankan untuk memantapkan organisasi *Home Guard* di kawasan Temerloh.
- E Pusat latihan *Home Guard* di Temerloh.
- F Kaum wanita juga merupakan anggota *Home Guard*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kerajaan telah mempergiatkan pelbagai usaha bagi mengekang tindak tanduk komunis yang bermaharajalela ketika pengisytiharaan darurat pada tahun 1948. Salah satu tindakan British ialah dengan penubuhan *Home Guard* di bawah Lt. Gen. Sir Harold Rawdon Briggs¹. Beliau bertindak menubuhkan pasukan *Home Guard* dengan tujuan mengawal kawasan-kawasan berisiko yang diancam dan diserang komunis seperti kampung-kampung, pekan, ladang getah, penempatan semula dan Kampung Baru.² Penubuhan pasukan *Home Guard* telah banyak membantu kerajaan British untuk membasmi komunis sehingga ke akar umbi.³ Pada 1948 terdapat kira-kira 40,000 orang anggota pasukan *Home Guard* tetapi bilangan ini semakin meningkat dari setahun ke setahun.⁴ Pasukan ini merupakan sebuah unit keselamatan yang dibentuk berdasarkan penyertaan secara sukarela, namun dari segi pengurusan pengendalian latihan dalam pasukan sukarelawan ini amat sistematik. Hal ini kerana



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



sejurus pengisytiharan darurat dibuat, faktor desakan dan tekanan daripada penganas komunis yang bermaharajalela di tanah air memaksa pihak British menyelaraskan secara teratur pasukan *Home Guard* sebagai sebuah organisasi yang penting pada waktu itu. Tujuannya adalah bagi memastikan kawalan keselamatan di kawasan kampung dan Kampung Baru dapat dikawal rapi oleh penduduk tempatan sendiri dengan kerjasama pasukan keselamatan yang lain.

Selain itu, pasukan *Home Guard* menjadi nadi penting kepada pasukan bersenjata utama lain kerana mereka meringankan beban pasukan bersenjata khususnya di kawasan-kawasan kampung.⁵ Hal ini kerana di kawasan penempatan semula seperti Kampung Baru *Home Guard* membantu pasukan keselamatan ini dengan pemeriksaan keluar masuk penduduk, memeriksa bekalan makanan, rondaan pada waktu malam edan sebagainya. Secara tidak langsung sebelum penubuhan pasukan *Home Guard*, telah wujud sebelum itu pasukan-pasukan lain seperti pasukan *Special Constabulary* (SC), *Jungle Squad* (JS), dan *Auxiliary Police* (AP).⁶

1.2 Penyataan Masalah

Ancaman keselamatan terhadap penduduk setempat di Temerloh pada permulaan zaman darurat yang diisyiharkan pada bulan Jun tahun 1948 telah mendorong kerajaan kolonial British menubuhkan pasukan *Home Guard* di Temerloh. Sebelum penubuhan *Home Guard*, *Kampung Guard* terlebih dahulu ditubuhkan untuk menjaga kawasan kediaman penduduk. Namun apabila keadaan semakin tidak terkawal maka kerajaan kolonial British mengambil inisiatif memperbesarkan pasukan keselamatan





yang sedia ada seperti *Kampung Guard*, *Special Constabulary (SC)*, *Jungle Squad* dan *Auxiliary Police (AP)* untuk menangani ancaman komunis.

Pasukan *Home Guard* dilihat sebagai usaha kerajaan kolonial untuk mengelakkan masyarakat di Temerloh daripada melibatkan diri dengan Parti Komunis Malaya (PKM). Tambahan pula PKM telah menubuhkan Rejimen ke-10 di Temerloh untuk memastikan hasrat mereka menubuhkan Republik Komunis Malaya menjadi realiti. Justeru, penubuhan *Home Guard* di Temerloh antaranya telah melibatkan pembentukan pasukan sukarela yang terdiri daripada pelbagai kaum di Temerloh yang memainkan peranan penting bagi memastikan segala kegiatan komunis tidak mencapai kejayaan. Orang Melayu, Cina dan India merupakan golongan yang mendiami kawasan di Temerloh telah bersama-sama dengan kerajaan kolonial British



1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian bertujuan meneliti penglibatan pasukan *Home Guard* di Temerloh dalam menghadapi ancaman komunis dari tahun 1948 hingga tahun 1957. Selain itu, kajian ini turut memperincikan peranan dan sumbangan pasukan *Home Guard* di Temerloh bagi membanteras ancaman komunis.

Secara lebih khusus, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji latar belakang penubuhan pasukan *Home Guard* di Temerloh.
2. Membincangkan perkembangan pasukan *Home Guard* di Temerloh.





3. Menganalisis peranan pasukan *Home Guard* di Temerloh.
4. Menilai sumbangan penubuhan pasukan *Home Guard* di Temerloh.

1.4 Skop Kajian

Tempoh kajian adalah antara 1948 sehingga 1956 iaitu lebih kurang lapan tahun.

Tujuan pemilihan skop masa kajian tersebut adalah kerana pada tahun 1948 bermulanya darurat di Tanah Melayu akibat dari keganasan komunis yang tidak dapat dikekang oleh kerajaan British ketika itu. Sir Edward Gent iaitu Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu telah mengisyiharkan darurat di Tanah Melayu pada 16 Jun 1948.⁷ Manakala pada 1956 pula merupakan tahun daerah Temerloh diisyiharkan kawasan putih yang ke-33. Secara tidak langsung sepanjang tahun 1948 sehingga

1956 ini, ancaman serta huru-hara yang dicetuskan oleh komunis telah menyebabkan kerajaan kolonial British menubuhkan pasukan *Home Guard* untuk membantu mengawal kampung halaman di Temerloh.

Fokus kajian di Temerloh adalah kerana selepas Perang Dunia Kedua antara tahun 1946 sehingga 1948, Temerloh telah berkembang pesat dengan menjadi pusat pergerakan pertubuhan berhaluan kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Angkatan Pemuda Insaf (API). Perkembangan pesat dan sokongan penduduk yang meluas ini menyebabkan tertubuhnya Rejimen ke-10 oleh Parti Komunis Malaya (PKM) di Temerloh untuk menentang kerajaan kolonial British. Namun, rancangan PKM tersebut gagal lalu mereka mencetuskan huru-hara di Temerloh sehingga pasukan *Home Guard* ditubuhkan untuk membantu mengembalikan keamanan di kawasan ini.





1.5 Sorotan Literatur

Secara umumnya, pengkajian mengenai zaman darurat banyak dihasilkan oleh pengkaji sejarah. Pengkajian ini meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial pada zaman darurat. Namun begitu kajian mengenai *Home Guard* hanya disentuh secara umum sahaja oleh ahli akademik sama ada dari dalam maupun luar negara. Kajian Ho Hui Ling iaitu *Keadaan Sosial di Tanah Melayu 1948-1960*⁸ merupakan paparan mengenai darurat yang agak lengkap. Walaubagaimanapun tumpuannya hanya merangkumi aspek sosial iaitu hubungan antara kaum, kemudahan asas dan pendidikan. Empat perkara asas ini merupakan aspek sosial yang menjadi fokus perbincangan. Kesukaran kehidupan dan keadaan yang tidak terjamin merupakan keperitan ketika zaman darurat. Keadaan sebegini adalah berpunca daripada keganasan komunis. Hoy Hui Ling juga menyentuh sedikit sebanyak mengenai tindakan kerajaan dalam menangani keganasan komunis. Turut disentuh dalam kajian ini ialah keadaan hubungan kaum di Tanah Melayu pada zaman tersebut. Selain itu keadaan sekolah, pelajar dan dasar pendidikan pada zaman darurat juga diteliti. Perbincangan seterusnya ditumpukan kepada sabotaj dan gangguan komunis terhadap kemudahan asas di Tanah Melayu.

Zaman ini memperlihatkan banyak masalah, kesusahan, kerosakan, kemusnahan, gangguan, ketidakstabilan hidup, penderitaan dan pengorbanan. Hal ini kerana kebanyakan ancaman yang dilakukan oleh komunis telah memberi kesan yang mendalam di dalam jiwa masyarakat di Tanah Melayu. Peristiwa sabatoj terhadap punca ekonomi misalnya yang dilakukan oleh komunis pastinya tidak dapat dilupakan oleh masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu. Jelas bahawa beliau cuba





merungkai impak di sebalik peristiwa yang dilakukan oleh komunis ini terhadap penduduk di Tanah Melayu. Malah peranan *Home Guard* turut disentuh secara umum di dalam kajian beliau ini. *Home Guard* dilihat sebagai pasukan yang membantu British meredakan ancaman komunis di Tanah Melayu. Usaha *Home Guard* seperti mengadakan kawalan di kawasan kampung dan membuat operasi sekatan jalanraya dalam usaha membanteras ancaman komunis di Tanah Melayu turut dibincangkan oleh beliau. Hal ini berbeza dengan kajian pengkaji yang menekankan peranan dan sumbangsan pasukan *Home Guard* di kawasan Temerloh. Peranan *Home Guard* bukan sahaja mengawal kampung malah turut terlibat dalam pemeriksaan makanan, pemeriksaan kad pengenalan dan pemeriksaan kenderaan.

Berbanding Hasan Yusuf dalam kajiannya “*Perkembangan Polis Diraja*



membincangkan perkembangan sejarah awal setiap pasukan polis di Negeri-Negeri Melayu (NNM). Beliau juga membincangkan peranan polis di NNM pada zaman darurat. Hal ini termasuk peranan yang dimainkan oleh *Special Constabulary* (SC), *Jungle Squad* dan *Auxiliary Police* (AP). Misalnya pasukan *Special Constabulary* berperanan melakukan tugas-tugas kawalan seperti melindungi estet, lombong dan kilang di kawasan luar bandar. Selain itu, *Special Constabulary* juga berperanan sebagai pengiring pengurus estet dan lombong serta membuat kawalan di kawasan berisiko ancaman komunis.

Beliau juga mengkaji mengenai *Jungle Squad* yang ditubuhkan pada 1948 ekoran keperluan memerangi komunis. Pasukan ini merupakan pasukan separa tentara dan mempunyai peranan mempertahankan kampung dan pekan mereka dari serangan





komunis, menggantikan tugas am polis yang diarahkan untuk membuat operasi, mengawal lombong dan melindungi pelombong. Tugas dan tanggungjawab *Home Guard* sebagai salah sebuah pasukan keselamatan turut disentuh di dalam kajian ini. Dalam penulisan beliau, peranan *Home Guard* adalah mengawal kawasan kampung dan kampung baru dari ancaman komunis. Berbanding dengan pengkaji yang memfokuskan kajian di kawasan Temerloh dengan melihat peranan *Home Guard* secara khusus. Peranan *Home Guard* sebagai pengawal kampung amat penting bagi kerajaan kolonial membasmi tindakan dan ancaman komunis sehingga ke akar umbi.

Selain itu, kajian Abd Ghafar bin Hj Md Ali iaitu *Darurat (1948-1960) di Melaka*¹⁰. Kajian beliau memberi fokus ancaman yang dilakukan oleh komunis serta langkah mengatasi masalah tersebut sehingga Melaka mendapat taraf Kawasan Putih



termasuklah peristiwa dua orang *Home Guard* yang diisyiharkan cemerlang iaitu HG Coy Commander Liew Ho Nyen dan Kapten Lonce' Bin Nayan. HG Liew cemerlang di kampung baru Taboh Naning manakala Kapten Lonce bin Nayan bertugas sebagai ketua di Pejabat *Home Guard* Central Melaka. Namun begitu, kajian beliau hanya berfokus kepada Melaka berbanding pengkaji yang mengkaji peranan *Home Guard* dalam membanteras ancaman komunis di Temerloh.

Begitu juga, kajian Rosli bin Jamaludin iaitu *Darurat di daerah kecil Sungai Siput Utara , Perak 1948-1960*¹¹. Kajian beliau adalah tentang ancaman yang dilakukan oleh komunis serta langkah mengatasi masalah tersebut di kawasan Sungai Siput sahaja kerana daerah ini telah mencetuskan huru-hara apabila tiga orang pengurus ladang British dibunuh oleh komunis sehingga perintah darurat dikeluarkan





pada tahun 1948. Turut dibincangkan oleh beliau adalah peranan pasukan keselamatan di Sungai Siput dalam membasmi pengganas komunis. Kajiannya hanya menyentuh tentang peranan *Home Guard* di Sungai Siput sahaja yang merupakan satu kawasan kecil di negeri Perak. Beliau turut menerangkan pasukan *Home Guard* di Sungai Siput telah membantu pasukan keselamatan yang lain dalam menjaga kawasan yang sering menjadi sasaran komunis seperti kawasan ladang estet dan kawasan lombong. Berbanding pengkaji yang memfokuskan *Home Guard* dibantu oleh pasukan keselamatan lain bersama-sama berganding bahu untuk membasmi aktiviti pengganas komunis di Temerloh.

Seterusnya, kajian oleh Misman bin Ramly iaitu *Sejarah Darurat di Selangor 1948-1960*¹². Kajian ini tentang ancaman yang dilakukan oleh komunis serta langkah

05-4506832 mengatasi masalah tersebut di negeri Selangor. Terdapat pelbagai sabotaj yang dilakukan oleh komunis di Selangor seperti membakar rumah, membunuh penduduk awam, merosakan kemudahan awam dan sebagainya. Hal ini menyebabkan pasukan keselamatan berkerja keras untuk memastikan keadaan di Selangor kembali aman. Beliau turut menulis mengenai peranan dan perkembangan *Home Guard* yang hanya meliputi kawasan di Selangor sahaja. *Home Guard* jelas banyak membantu British di kawasan Selangor khususnya dalam menjaga kampung, kampung baru serta ladang estet dari terus disabotaj oleh pengganas komunis.

Seterusnya, kajian oleh Suffian bin Mohamed iaitu *Home Guard di Johor semasa Darurat 1948-1960*¹³. Kajian ini menceritakan tentang pasukan *Home Guard* dari aspek latar belakang, peranan, sumbangsan dan perkembangan di Johor. Kajian ini memberi fokus yang menyeluruh tentang penubuhan *Home Guard* di Johor dilihat





begitu penting bagi kerajaan kolonial British untuk membantu menangani ancaman yang dilakukan oleh komunis. Kajian ini juga menyatakan, sumbangan yang diberikan oleh pasukan *Home Guard* yang telah berjaya mengurangkan kegiatan sabotaj komunis terhadap penduduk tempatan terutamanya daerah-daerah di dalam negeri Johor. Malah dengan kawalan yang lebih kerap di kawasan kampung, kampung baru dan estet telah menyebabkan berlaku kesukaran bagi pengganas komunis untuk menyusup masuk ke kawasan tersebut untuk mendapatkan bekalan makanan, ubatan dan maklumat. Hal ini menunjukkan kejayaan pasukan *Home Guard* di kawasan Johor.

Begitu juga kajian bertajuk *Darurat 1948-1960 dengan Rujukan Khas kepada Negeri Pahang*¹⁴ oleh Lin Chee Kheong membincangkan perkembangan tentang PKM dan faktor-faktor PKM mengadakan pemberontakan bersenjata. Turut

dibincangkan adalah penubuhan Rejimen Melayu ke 10 dan peranan yang dimainkan oleh pasukan keselamatan kerajaan untuk membasmi komunis. *Home Guard* merupakan salah satu pasukan yang memainkan peranan yang aktif untuk menyekat pengaruh komunis dari terus menyusup masuk ke kawasan kampung, ladang estet dan kampung baru. Namun peranan yang dimainkan oleh *Home Guard* hanya dibincangkan secara umum dan meliputi kawasan-kawasan tertentu di Pahang sahaja.

Manakala kajian oleh Siti Zubaidah bt Jamaludin *Darurat di Negeri Sembilan 1948-1960*¹⁵ membincangkan kegiatan yang dilakukan oleh PKM di Tanah Melayu. Pelbagai huru hara yang dicetuskan oleh komunis sehingga menyebabkan masyarakat di Negeri Sembilan tidak dapat menjalankan aktiviti sehari-hari dengan baik. Ancaman komunis meliputi sabotaj terhadap pengangkutan awam seperti bas, membunuh orang yang tidak berdosa dan melakukan kerosakan terhadap ladang estet serta lombong





bijh timah. Secara langsung perkara ini telah menyebabkan kerajaan British melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani ancaman komunis di Negeri Sembilan.

Antara langkah yang dilakukan oleh pihak British adalah kempen ‘Bulan Penduduk Menentang Komunis’ serta penubuhan kampung baru untuk menempatkan semula penduduk Cina di Negeri Sembilan. Penubuhan Pasukan *Home Guard* juga merupakan langkah yang dilakukan oleh kerajaan British di Negeri Sembilan untuk menyekat keganasan yang dilakukan oleh komunis. Pasukan *Home Guard* boleh dilihat dalam tiga tahap iaitu mengawal kampung dengan melihat dan memeriksa kawat yang dipasang di sekeliling kampung dan membuat laporan kepada polis peronda. Tugas-tugas utama mereka ialah mengendalikan balai-balai polis, sekatan jalan raya dan operasi penapisan di tempat-tempat awam di seluruh negara agar segala keperluan asas seperti bekalan makanan, ubat-ubatan, pakaian dan peralatan senjata tidak sampai komunis.

Kajian Nursyafiza bt Zahari bertajuk *Sejarah Kesihatan semasa Darurat di Tanah Melayu 1948-1960*¹⁶ membincangkan keadaan kesihatan penduduk tergugat bukan hanya disebabkan isu-isu dijangkiti penyakit kronik tetapi turut berlaku kesan daripada kekejaman komunis. Kecederaan yang dihadapi penduduk memerlukan rawatan yang serius. Ancaman daripada komunis menjadi pemangkin kepada pihak kerajaan khususnya Jabatan kesihatan untuk menyediakan khidmat kesihatan yang lebih efektif dan proaktif. Terdapat juga anggota keselamatan termasuk pasukan *Home Guard* yang mengalami kecederaan mendapatkan rawatan di hospital dan klinik





pada zaman darurat ini. Namun jumlah pasukan *Home Guard* yang mendapatkan rawatan tidak diperincikan oleh penulis.

Kajian oleh Mohamad Aizuddin Mohd Asri dalam *Pasukan Home Guard Kelantan*¹⁷ membincangkan mengenai sejarah penubuhan *Home Guard* dan perkembangannya di negeri Kelantan. Beliau turut membincangkan peranan yang dimainkan oleh pasukan keselamatan ini bersama-sama pasukan lain sehingga Pasir Putih berjaya mendapatkan Kawasan Putih yang pertama di Kelantan. Kajian beliau mengupas tugas yang dijalankan oleh pasukan *Home Guard* iaitu mengawal kampung-kampung lama, mengawal kawasan strategik seperti tempat simpanan senjata api dan kawasan ladang. Anggota pasukan ini juga membantu polis mengadakan sekatan jalan raya dan memeriksa kad pengenalan penduduk di sekitar



hanya melibatkan negeri Kelantan sahaja.

Selain itu, kajian *Darurat dan Kampung Baru: Suatu Kajian Kes di Daerah Ulu Langat, Selangor*¹⁸ hasil karya Lim Cheng Seng membincangkan sejarah dan pembentukan kampung baru di daerah Ulu Langat Selangor. Pelbagai kejadian seperti pembunuhan terhadap penduduk awam dan tindakan sabotaj menyebabkan kerajaan bertindak tegas untuk menghapuskan komunis. Hal ini tidak disenangi oleh penduduk Cina yang tinggal di kawasan setinggan tersebut lalu membantah kempen membanteras penganas komunis. Walau bagaimanapun masalah tersebut berjaya diselesaikan apabila Rancangan Briggs diperkenalkan oleh Sir Harold Briggs. Rancangan penempatan semula masyarakat Cina telah sedikit sebanyak melemahkan golongan Min Yuen. Hal ini kerana apabila kampung baru ditubuhkan pasukan





keselamatan boleh mengawasi gerak geri penduduk dengan lebih ketat supaya mereka tidak lagi terlibat dalam kegiatan menyalurkan maklumat dan makanan kepada pengganas komunis. Pasukan keselamatan seperti *Home Guard* ditubuhkan untuk menjaga masyarakat Cina di kawasan kampung baru tersebut.

Penulisan oleh Osman Mamat yang bertajuk *Darurat di Terengganu 1948-1960: Beberapa aspek Ekonomi dan Sosial*¹⁹ pula memaparkan secara khusus situasi darurat yang dialami oleh penduduk di Terengganu dari aspek ekonomi dan sosial khasnya. Malah, perbincangannya juga tertumpu kepada penglibatan pasukan pertahanan seperti *Home Guard* serta pasukan polis di Terengganu dalam menghadapi ancaman komunis di Terengganu. Buku ini secara keseluruhannya turut menghuraikan penglibatan kerajaan Persekutuan dalam memberikan bantuan kepada

~~pasukan keselamatan di Terengganu pada zaman darurat serta keadaan masyarakat di negeri Terengganu. Peranan dan sumbangan *Home Guard* di Terengganu dibincangkan secara terperinci dalam penulisan ini. Antara peranan yang dimainkan oleh pasukan *Home Guard* ini adalah membantu pasukan keselamatan yang lain membasmi komunis di kawasan mereka. Kajian ini menunjukkan peristiwa satu serangan pengganas komunis ke atas pondok kawalan polis di Kampung Ibok, Ulu Chukai, Kemaman.~~

Pada akhir tahun 1952, anggota pasukan *Home Guard* yang turut membantu pasukan polis di pondok kawalan tersebut telah memperlihatkan kegigihan dan semangat perjuangan yang tinggi. Dalam kejadian ini hanya lapan orang anggota polis sahaja berkawal di pondok tersebut. Apabila pengganas komunis menyerang pada jam sembilan malam, sepuluh orang anggota pasukan *Home Guard* yang mempunyai





senapang di kampung tersebut itu terus berkejar ke kubu pertahanan di keliling pondok polis tersebut. Selepas tiga puluh minit pertempuran berlaku penganas komunis terpaksa mengundurkan diri kerana ditentang hebat oleh polis dan pasukan *Home Guard*. Berbanding kajian pengkaji yang berfokus mengenai pasukan *Home Guard* yang membanteras komunis di kawasan Temerloh. Usaha bersama-sama pasukan keselamatan lain turut dilakukan oleh pasukan *Home Guard* di Temerloh bagi memastikan aktiviti komunis dapat dihapuskan sehingga ke akar umbi.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Kepolisian dan Keselamatan*²⁰ merupakan karya mantan Ketua Polis Negara iaitu Tan Sri Mohd Haniff Omar turut memfokuskan kepada tanggungjawab dan pengorbanan pasukan polis dalam menangani jenayah dan menjaga keamanan pada zaman darurat di NNM. Secara

keseluruhannya, ternyata buku ini memberi penjelasan mengenai peranan dan kejayaan pasukan polis pada zaman darurat. Tambahan pula, buku ini turut mengupas peranan masyarakat setempat membantu polis melumpuhkan aktiviti komunis. Justeru, buku ini memfokuskan peranan polis dalam menghadapi ancaman komunis pada zaman darurat di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Pasukan *Home Guard* turut kuperas dalam buku ini. Pasukan ini dilihat sebagai pasukan sukarela dan menjadi salah satu alternatif kerajaan kolonial British dalam membantu menghapuskan komunis di Tanah Melayu.

Selain itu, penubuhan pasukan ini lebih tertumpu di kawasan kampung tradisional dan kampung baru serta berperanan membantu pasukan polis untuk mencegah sebarang aktiviti komunis di kawasan kawalan mereka. Ternyata gabungan di antara pasukan *Home Guard* dan pasukan keselamatan lain terutamanya pasukan

